

Bil. S 92

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2008

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengisytiharan tempat terkawal.
 3. Pihak berkuasa.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2008.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak berkuasa.

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL

Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
Kawasan Pusat Janakuasa Belungus, Kampung Belungus, Mukim Bangar, Daerah Temburong.	GT060002TE bertarikh 13hb. Februari, 2007.	Pengarah Perkhidmatan Elektrik.

Bertarikh pada hari ini 3 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 4 haribulan September, 2008.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.